

Headline **SIGtech teraju produk gentian optik**
 Date **25. Feb 2008** Language **MALAY**
 Media Title **Berita Harian** Page No **29**
 Section **Ekonomi** Article Size **1582** cm2
 Circulation **217991** Frequency **Daily**
 Readership **762968** Color **Full Color**



SIGtech teraju produk gentian optik

Najman Kamaruddin tubuh syarikat tunggal tawar khidmat tentukur data untuk kerajaan, swasta



SEPAKAT: Najman sentiasa mengadakan perbincangan dengan kakitangan SIGtech bagi melancarkan operasi syarikat.

INFO




Significant Technologies

- Najman memulakan perniagaan dengan modal RM10,000.
- Modal permulaan berkenaan hanya cukup untuk menyewa ruang pejabat kecil.
- Satu-satunya syarikat yang menawarkan perkhidmatan tentukur peralatan elektronik.
- Memiliki 40 kakitangan yang mana 25 adalah jurutera.
- SIGtech menerima bantuan kerajaan menerusi dua dana iaitu Skim Geran Industri (IGS) berjumlah RM1.3 juta dan dana PKS berjumlah RM300,000.
- Antara produk yang dibangunkan ialah sistem pemantauan gentian optik rosak (FBMS), sistem pemantauan penggera gentian (FMAS), suis perlindungan automatik (APS), sistem pemantauan berasaskan sistem kedudukan global dan sistem pengecasan menggunakan frekuensi radio.

“*Segala-galanya perlu dihadapi dalam dunia perniagaan, sama ada sudah diduga atau tidak diduga. Ia laksana mengharungi lautan luas, bila-bila masa cuaca boleh berubah dan taufan datang melanda. Apa yang penting ialah persediaan menghadapi bencana dan berjimat cermat*”

Najman Kamaruddin
Pengarah Eksekutif
Significant Technologies Sdn Bhd (SIGtech)



CANGGIH: Najman menunjukkan antara produk yang dihasilkan SIGtech.

PENGALAMANNYA dalam industri perbankan selama sembilan tahun banyak membantu beliau membuat kajian daya maju dan menilai risiko sebelum memutuskan untuk menceburi bidang perniagaan, tambahan pula perniagaan yang mahu diterokainya amat jarang disertai kaum Bumiputera.

Malah beliau sendiri tidak pernah mengetahui mengenai bidang perniagaan itu sehinggalah bertemu dengan seorang profesor dari Universiti Putra Malaysia.

Profesor berkenaan menceritakan mengenai prospek perniagaan tentukan data, gentian optik dan peralatan menggunakan frekuensi radio di seluruh dunia dan di negara ini.

Proses tentukan data itu adalah amat penting kepada peralatan telekomunikasi dan peralatan elektronik lain bagi menjamin ketepatan data yang dijana.

Setahun sekali syarikat telekomunikasi atau syarikat menggunakan peralatan elektronik perlu menghantar peralatan mereka untuk servis.

Pengarah Eksekutif Significant Technologies Sdn Bhd (SIGtech), Najman Kamaruddin, berkata ketika bekerja di bank tugas utamanya ialah menilai setiap permohonan pinjaman projek sama ada berdaya maju atau tidak.

"Berdasarkan pengalaman yang diperolehi, saya boleh mengunjurkan sama ada sesuatu perniagaan memiliki prospek yang baik untuk terus maju.

"Justeru, apabila mengetahui mengenai prospek perniagaan tentukan peralatan telekomunikasi ini dan tiada syarikat di negara ini yang menceburi bidang berkenaan, saya terus memutuskan untuk menceburinya," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Sungai Besi, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

SIGtech yang beliau tubuhkan pada 2000 ketika ini adalah syarikat tunggal di negara ini yang menawarkan perkhidmatan tentukan data, gentian optik dan peralatan menggunakan frekuensi radio kepada kerajaan dan swasta.

Najman yang kini baru berusia 40 tahun berkata, beliau mengeluarkan modal sebanyak RM10,000 ketika menubuhkan SIGtech, hanya cukup untuk menyewa ruang pejabat di pejabat kawannya.

"Bagi mengurangkan risiko besar dalam perniagaan itu, beliau menumpukan kepada penyediaan perkhidmatan latihan dengan kerjasama seorang profesor dari UPM kepada kakitangan syarikat swasta terutama sektor telekomunikasi untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang telekomunikasi," katanya.

Latihan yang diberikan merangkumi modul teori dan praktikal dalam bidang telekomunikasi, iaitu empat bulan mempelajari teori manakala empat bulan lagi adalah latihan amali.

Selepas menjalani kedua-dua modul itu, mereka akan menduduki peperiksaan yang dianjurkan Persatuan Gentian Optik (FOA) dari Amerika Syarikat yang mana jika lulus akan diberikan sijil juruteknik gentian optik.

Selepas beberapa tahun menjalankan perniagaan penyediaan latihan dalam bidang tentukan data, gentian optik dan telekomunikasi, SIGtech kemudian meluaskan perniagaannya dengan menceburi bidang penjualan produk yang dihasilkan sendiri menerusi aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Produk pertama yang dihasilkan ialah saluran pendua gentian optik (OFCD) untuk kegunaan syarikat telekomunikasi.

Produk berkenaan membolehkan isyarat yang dihantar dan diterima menerusi gentian optik menggunakan hanya satu saluran, berbanding produk yang ada di pasaran, menyediakan dua saluran untuk isyarat hantar dan terima.

Najman yang berkelulusan pentadbiran perniagaan dari Universiti

Washington berkata, pada peringkat permulaan untuk melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dan pemasaran produk OFCD, SIGtech menerima bantuan kerajaan menerusi dua dana iaitu Skim Geran Industri (IGS) berjumlah RM1.3 juta dan dana Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berjumlah RM300,000.

Dana berkenaan, membolehkan SIGtech 'bernafas' dan terus melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan produk.

Antara produk yang dibangunkan ialah sistem pemantauan gentian optik rosak (FBMS), sistem pemantauan penggera gentian (FMAS), suis perlindungan automatik (APS), sistem pemantauan berasaskan sistem kedudukan global dan sistem pengesanan menggunakan frekuensi radio.

Selepas memiliki dua komponen yang menjadi asas kepada perniagaannya, iaitu perkhidmatan latihan dan produk, SIGtech terus aktif memasarkan produk dan perkhidmatannya.

SIGtech adalah antara syarikat teknologi yang mempunyai hubungan baik dengan pihak universiti.

Dengan kerjasama erat antara SIGtech dan universiti, kedua-dua pihak lebih memahami kehendak masing-masing.

Universiti dengan kemampuan penyelidikan dan pembangunan manakala SIGtech dengan kemampuan pemasaran, menjadikan kerjasama kedua-dua pihak atas dasar menang-menang.

Najman berkata, dalam dunia perniagaan tidak semuanya indah seperti yang dicatitkan di atas kertas kerana pelbagai halangan sedia menanti.

"Walaupun, perjanjian perniagaan sudah dibuat, termasuk tarikh pembayaran akan dilakukan dalam tempoh yang dijanjikan namun ia tidak bermakna bayaran itu akan diterima seperti yang dinyatakan.

"Segala-galanya perlu dihadapi dalam dunia perniagaan, sama ada sudah diduga atau tidak diduga. Ia laksana mengharungi lautan luas, bila-bila masa cuaca boleh ber-

ubah dan taufan datang melanda. Apa yang penting ialah persediaan menghadapi bencana dan berjimat cermat," katanya.

Sebelum menceburi perniagaan ini, beliau berfikir banyak kali kerana sudah terbiasa memperoleh pendapatan tetap setiap bulan.

Namun selepas lebih tujuh tahun mengharungi bidang perniagaan, beliau yang disokong 40 kakitangan yang mana 25 adalah jurutera masih belum berpuas hati dengan apa yang dicapai.

Hasratnya ialah untuk mengembangkan perniagaan ke negara di rantau Asia Tenggara serta menjadi pengeksport teknologi, sejajar dengan hasrat kerajaan yang mahu lebih banyak syarikat tempatan menerokai pasaran antarabangsa. Beliau berkata, untuk memulakan sesuatu perniagaan seseorang itu mesti memiliki asas sama ada modal atau pengalaman yang boleh digunakan dalam melayari perniagaan berkenaan.

"Tanpa kedua-duanya, jika usahawan itu jatuh ia mungkin sukar untuk bangun balik dan seterusnya hilang daripada dunia perniagaan," katanya.

Najman berkata, produk OFCD keluaran SIGtech sudah digunakan oleh Telekom Malaysia Bhd, Maxis serta Celcom dan kini sedang diuji oleh sebuah syarikat telekomunikasi terbesar di Arab Saudi.

Beliau sudah membuka pejabat cawangan di Indonesia dan Thailand sebagai sebahagian daripada strategi menembusi pasaran telekomunikasi di rantau Asia Tenggara.


"Kami yakin boleh bersaing dengan syarikat antarabangsa berdasarkan kepakaran dimiliki, di samping caj berpatutan dikenakan kepada pelanggan," katanya.

SIGtech juga merancang menganjurkan seminar mengenai gentian optik bulan depan untuk memberikan pendedahan kepada rakyat tempatan mengenai standard yang dipakai dalam bidang berkenaan.


Ini sejajar dengan rancangan kerajaan untuk menyalurkan perkhidmatan jalur lebar terus ke rumah dengan perbelanjaan RM15 bilion.



TERLATIH: Kakitangan SIGtech menguji produk.



BERKUALITI: Produk yang dihasilkan SIGtech.



TELITI: Kakitangan SIGtech menggunakan alat tentukan data.